

# PENGERUSI MAJLIS PROFESOR UniMAP

## TOKOH MAAL HIJRAH 1440H



Oleh : Mohd Basri Basir

PAUH PUTRA, 5 Oktober– Pengerusi Majlis Profesor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Datuk Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah 2018/1440Hijrah peringkat UniMAP di sini. Mantan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP itu memulakan tugas sebagai pendidik pada 1988 di Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Sains Malaysia sehingga menyambung khidmat di UniMAP pada 2002. Prof. Dr. Ali Yeon menerima Sijil Penghargaan dan hadiah iringan. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah disempurnakan Naib Canselor UniMAP, Datuk Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Selain Anugerah Tokoh Maal Hijrah, lima lagi anugerah turut dipertandingkan iaitu Anugerah Al-Falah yang dimenangi Majlis Pengurusan Kolej Kediaman, Anugerah Personaliti Maal Hijrah (empat penerima), Anugerah Tokoh Siswa (dua penerima), Anugerah Khas Pencetus Ummah (empat penerima) dan Anugerah Khas Agensi terbaik yang dimenangi MSB Utara Perlis yang merupakan pengusaha Kafeteria Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik UniMAP.